

# DI SEBALIK KOS SARA






# PENINGKATAN HIDUP RAKYAT

Peningkatan kos sara hidup kini merupakan isu global yang sepertinya belum ditemukan penawar tuntas untuk menanganinya. Namun begitu, keadaan ini dapat difahami melalui kerangka kitaran inflasi yang semakin meruncing. Status negara maju atau negara pinggir dalam kerangka ini tidak menjadi ukuran memandangkan inflasi merupakan isu global yang menghambat hampir kesemua negara di dunia.

**M**isalnya, bagi 37 buah negara ahli Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), dapatan yang dikeluarkan oleh Pew Research Center, pada suku pertama tahun 2022 mendapati kadar inflasi meningkat sehingga dua kali ganda berbanding dengan suku pertama pada tahun 2020.

Berdasarkan data tersebut, Israel menduduki tangga pertama dengan kadar inflasi tertinggi, iaitu kenaikan sekitar 25 kali ganda berbanding dengan tahun 2020. Menyusuri rapat jejak Israel pula ialah Greece, Itali dan juga Sepanyol. Terjerumusnya negara seperti Greece ke lembah inflasi bukan satu hal yang mengejutkan memandangkan negara tersebut telah berdepan dengan isu ekonomi yang serius sejak sekian lama. Namun begitu, hambatan inflasi ini turut berupaya mambadai negara maju seperti Itali, Sepanyol, Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Sweden.

Di AS, inflasi bagi negara *Uncle Sam* tersebut telah pun mencatatkan paras tertinggi pada Jun 2022, iaitu melepasi kadar tertinggi yang pernah dicatatkan pada tahun 1981. Menurut laporan *Lending Club*, kesannya menyebabkan kira-kira 61 peratus rakyat AS perlu "mengikat perut" dan bertahan daripada gaji sedia ada ke gaji yang seterusnya. Keadaan di UK juga tidak jauh bezanya. Pada September 2022, Indeks Harga Pengguna (CPI) di Britain turut mencatatkan rekod tertinggi sepanjang 42 tahun, iaitu pada kadar 10.1 peratus untuk tempoh 12 bulan setakat September 2022. Dapatan daripada pertubuhan sukarelawan The Food Foundation United Kingdom pada Mei 2022 menunjukkan sebanyak 57 peratus isi rumah Britain terpaksa mencatu makanan dalam tempoh tiga bulan, natijah daripada kenaikan harga makanan yang mendadak.



Situasi di beberapa bazar jualan harian kini lengang kerana kekurangan pengunjung.

Manakala, Sweden, iaitu sebuah negara yang dikagumi dengan kerangka negara kebajikan melalui model ekonomi Nordi turut sama terkesan dalam kitaran ini. Keadaan ini menyebabkan rakyat di negara tersebut berhadapan dengan masalah peningkatan harga makanan, terutamanya makanan bayi dengan peningkatan sehingga 10.8 peratus pada Januari 2023. Memasuki Februari 2023, harga makanan di Sweden turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus hingga melepasi kadar tertinggi peningkatan bulanan sejak tahun 2015.

Realitinya, isu inflasi dan peningkatan kos sara hidup kini menjadi satu isu global yang mendasar. Bayangkan rakyat di negara maju yang berpendapatan tinggi seperti AS dan Britain juga perlu "mengikat perut" akibat situasi global ini, lantas bagaimanakah pula dengan keadaan di negara kita?

### Realiti Kos Sara Hidup di Malaysia

Pada tahun 1982, filem cereka komedi arahan Raja Ismail berjudul *Sikit Punya Gila* pernah menyelitkan sebuah gambaran mengenai realiti kehidupan pada era tersebut. Dalam satu babak di pasar, pertemuan antara dua watak, iaitu Minah dengan Nini menyelitkan komentar mereka terhadap realiti kos sara hidup yang perlu diharungi pada ketika itu. Kata Nini yang dilakukan oleh Allahyarham Yusni Jaafar, iaitu "*Zaman sekarang ini beranak banyak-banyak pun leceh, barang pun dah mahal*" sangat jelas dalam menggambarkan isu kenaikan kos sara hidup yang membelenggu kehidupan masyarakat sejak era 1980-an lagi.

Selepas 41 tahun tayangan filem itu, rata-rata masyarakat pada hari ini masih lagi dibelenggu oleh kos sara hidup yang semakin agresif "memamah" nikmat hidup masyarakat. Keadaan ini cukup kelihatan melalui "kehambaran" kuasa beli di bazar Ramadan pada tahun ini yang mencerminkan realiti kos sara hidup di Malaysia. Rata-rata peniaga di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri pada tahun ini mengeluh berkaitan dengan jualan pada Ramadan yang merudum teruk. Perkara ini menyebabkan mereka harus menanggung kerugian dari sudut sewa tapak yang turut meningkat saban tahun.

Biarpun suasana bazar kelihatannya seperti ramai dengan kehadiran pengunjung, daripada kaca mata para peniaga, mereka menyatakan bahawa para pengunjung yang datang itu tidak lebih sekadar untuk "mencuci mata" dan tidak berniat untuk membeli. Dari kaca mata pengunjung pula, keadaan ini dijustifikasikan sebagai natijah daripada kenaikan mendadak harga jualan di Bazar Ramadan.

Di alam maya pula, suara tertentu di media sosial galak membandingkan harga bazar pada suatu ketika dahulu dengan sekarang. Misalnya, terdapat hantaran tular mengenai harga nasi ayam yang sebelum ini berharga sekitar RM5 hingga RM6, tetapi kini harganya semakin naik sehingga mencecah RM10 hingga RM15. Begitu juga dengan harga makanan kudapan yang sinonim dengan bulan Ramadan seperti martabak, roti john dan aneka kuih-muih juga menunjukkan peningkatan secara mendadak.

Bagi Bazar Aidilfitri yang menjadi medan "lubuk duit raya" buat pengusahanya kini keadaannya semakin kelim kerana kekurangan hasil jualan. Justifikasi masyarakat ialah harga jualan di Bazar Aidilfitri disifatkan begitu mahal dan tidak berbaloi untuk mereka berbelanja di tempat tersebut. Turut diperkatakan juga tentang purata harga baju Melayu dan baju kurung di platform dalam talian yang mampu diperoleh sekitar RM50 hingga RM100. Di Bazar Aidilfitri pula, pengguna merungut tentang harga barangan sama yang dikatakan dijual bermula dari RM100 hingga RM200.


Keadaan yang berlaku ini pada dasarnya menggambarkan bahawa masyarakat sedang berusaha untuk berjimat-cermat dengan mengurangkan kos perbelanjaan yang tinggi. Platform secara dalam talian kini menjadi pilihan



Platform penjualan secara dalam talian menjadi pilihan para penjual sekarang.



Filem *Sikit Punya Gila*, sebuah filem komedi yang diterbitkan pada tahun 1987.



Antara keperluan asas yang semakin meningkat harganya.

masyarakat kerana rata-rata penjual secara dalam talian mampu menurunkan harga yang jauh lebih rendah berbanding dengan penjual di Bazar Adilfitri memandangkan mereka tidak perlu menyewa kedai ataupun tapak perniagaan yang mahal. Bahkan, pengguna turut berupaya mendapatkan harga secara borong melalui para pemborong secara dalam talian yang turut menjual secara runcit.

Situasi yang berlaku ini seakan-akan mengesahkan ramalan pakar ekonomi tentang hambatan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup yang berlaku pada tahun 2023. Kini, masyarakat di negara ini terpaksa mengubah gaya hidup mereka sejajar dengan peningkatan mendadak harga barangan keperluan harian ataupun barangan asasi. Keperluan asas seperti ayam segar, telur ayam, sayur-sayuran dan lain-lain masih kekal berada dalam dimensi "polemik harga" di negara kita.

Sebagai contoh, makanan asasi yang penting untuk memperoleh gizi seimbang seperti sayur-sayuran turut menunjukkan peningkatan sehingga 160 peratus setakat Februari 2023.

### **Keterdesakan Golongan Peniaga**

Rantai ekonomi akibat krisis dan konflik global menyebabkan golongan peniaga

tiada pilihan selain terpaksa menaikkan harga jualan untuk mengelakkan kerugian. Malah, terdapat juga peniaga yang sanggup memperoleh margin keuntungan yang kecil semata-mata untuk terus bertahan dalam perniagaan masing-masing.

Dalam keadaan para peniaga dan pengguna yang telah terbeban oleh inflasi global, terdapat pula pihak yang sanggup menanggung di air keruh demi mendapat keuntungan peribadi. Hubungan ini memperlihatkan beberapa tindakan "orang tengah" yang cuba mengaut keuntungan berganda melalui manipulasi harga yang dilakukan secara sistematik. Pada Disember 2021, Menteri Pertanian dan Industri Makanan mendapati manipulasi "orang tengah" menyebabkan wujudnya peningkatan harga barangan sehingga 100 peratus.

Selain daripada keperluan asasi seperti makanan, peningkatan harga rumah pada ketika ini turut menjadi satu daripada beban kos sara hidup bagi majoriti rakyat Malaysia. Biarpun lambakan projek perumahan pada hari ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan, realitinya, harga rumah yang dijual di negara ini tidak selari dengan pendapatan rakyat kebanyakan.

“Kini, masyarakat di negara ini terpaksa mengubah gaya hidup mereka sejajar dengan peningkatan mendadak harga barangan keperluan harian ataupun barangan asasi.”



Mampukah rakyat memiliki rumah dengan harga yang tidak selari dengan pendapatan?

Perkara ini pada dasarnya dikeruhkan oleh ketidaksielarisan kadar kenaikan pendapatan dan harga rumah yang meningkat secara mendadak. Menurut data yang dikeluarkan oleh Pusat Informasi Hartanah Negara (NAPIC), harga rumah di Malaysia didapati meningkat hampir 100 peratus dari tahun 2010 hingga 2020. Meskipun kerajaan telah memperluaskan program rumah rakyat, namun harga jualannya masih tinggi berbanding dengan pendapatan rakyat kebanyakan. Pada hari ini, rata-rata harga rumah mampu milik ditawarkan bermula pada harga RM150 000 hingga RM300 000. Biarpun program rakyat ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan kos sara hidup, namun unit perumahan yang dibina sangat terbatas berbanding dengan lambakan perumahan tidak mampu milik yang dibina.

Peningkatan harga perumahan akhirnya menyaksikan kadar pemilikan harta tanah di Malaysia sangat rendah memandangkan masyarakat lebih selesa untuk menyewa. Bagi pengguna yang telah membeli rumah, masalah yang berlaku termasuklah sebahagian besar peratusan pendapatan bulanan mereka terpaksa dihabiskan untuk membayar ansuran bulanan perumahan hingga tidak mempunyai lebihan wang untuk menikmati kehidupan dan simpanan kecemasan.

Sekiranya sebuah rumah berharga RM200 000 hingga RM400 000, pembeli harus bersedia untuk membayar komitmen bulanan dalam lingkungan RM1000 hingga RM2500 sebulan kepada bank dan turut bergantung pada kadar faedah yang dikenakan kepada pembeli. Andaikan jika individu tersebut bergaji RM2000 hingga RM3000 sebulan, pembeli tersebut terpaksa menghabiskan 50 peratus ataupun 80 peratus daripada pendapatannya untuk bayaran perumahan. Namun begitu, realiti pada hari ini, pendapatan sebanyak RM3000 sebulan juga belum tentu berhasil didapati oleh seorang graduan universiti berkelulusan sarjana muda.

### Antara Pendapatan dengan Kuasa Beli

Di atas kertas, inflasi di Malaysia boleh masih dikawal dan melalui fasa turun dan naik. Biarpun ada kalanya kadar inflasi negara menurun, keadaan ini sukar dijadikan indikator dalam menggambarkan keupayaan perbelanjaan masyarakat. Keadaan sama turut terpakai terhadap sandaran umum yang sering dihalakan kepada kadar pendapatan per kapita negara yang tidak mewakili keseluruhan pendapatan rakyat di negara ini.

Apabila menyebut tentang kos sara hidup, premis tertumpu pada dua jenis kerangka fundamental, iaitu pendapatan rakyat dan juga kos sara hidup. Dalam konteks ini, harga barang pada dasarnya tidak dapat diturunkan secara drastik kerana melibatkan rantaian ekonomi yang luas cakupannya. Kaedah yang boleh dilakukan termasuklah melalui pengawalan secara sistematik untuk memastikan wujudnya kesejajaran antara peningkatan kadar inflasi dan peningkatan pendapatan rakyat. Kedua-dua inti pati ini sejajar dengan dapatan yang dikemukakan oleh Bank Dunia yang menyentuh korelasi antara kos sara hidup dengan pertumbuhan pendapatan yang lembap, peningkatan hutang isi rumah dan harga perumahan.

Realiti defisit pendapatan dalam kalangan rakyat Malaysia bukanlah satu mitos bahkan telah dijawab dari sudut empirikal. Kajian yang dilakukan oleh Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC) yang berpusat di Universiti Malaya (UM), mendapati bahawa individu bujang yang tinggal di Lembah Klang memerlukan pendapatan sebanyak RM2570 sebulan pada tahun 2021 untuk menampung perbelanjaan kehidupan. Bagi pasangan suami isteri yang tinggal di Lembah Klang pula memerlukan pendapatan sekitar RM4590 sebulan bagi pasangan yang tidak mempunyai cahaya mata. Sekiranya pasangan yang mempunyai seorang cahaya mata, mereka memerlukan pendapatan sekitar RM5510 sebulan untuk menampung kehidupan.



Lingkungan gaji yang rendah menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam kerangka kuasa beli.

Biarpun datanya mengunjurkan pendapatan sedemikian untuk kesesuaian kos sara hidup kontemporari, namun pada hari ini Malaysia masih kekal menjadi negara yang menunjukkan kadar kenaikan gaji yang paling rendah berbanding dengan negara ASEAN yang lain. Satu kaji selidik yang dilakukan oleh firma perunding kekayaan dan kerja, iaitu Mercer Malaysia pada tahun 2019 mendapati Malaysia merupakan negara ASEAN yang mencatatkan peningkatan gaji terendah berbanding dengan enam buah negara ASEAN membangun yang lain.

Sebagai perbandingan, peningkatan gaji sebenar di Singapura ialah sebanyak 3.5 peratus, Thailand dan Indonesia 4.0 peratus dan Filipina pula sebanyak 2.8 peratus, manakala Malaysia berada di kedudukan terakhir dengan peningkatan sekitar 2.6 peratus. Biarpun terdapat komitmen kerajaan untuk meningkatkan gaji minimum sejak kebelakangan ini, namun kenaikan gaji minimum hanya dilaksanakan secara umum tanpa mengkhususkan ketetapan gaji minimum, misalnya untuk graduan yang baru menamatkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan golongan profesional.

Pada akhirnya, lingkungan gaji yang bersifat tidak adil dan saksama menyebabkan ketidakseimbangan dalam kerangka kuasa beli. Keadaan golongan rentan yang berpendapatan rendah ini telah menyebabkan mereka sering berjimat cermat dan kurang berbelanja. Berdasarkan pengamatan terhadap kes Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri negara baru-baru ini, dari segi datanya, sentimen ketakutan untuk berbelanja ini dapat dibuktikan melalui kajian Pusat Penyelidikan Undang (UCSI). Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 60 peratus responden mengungkapkan perasaan bimbang mengenai kenaikan harga barang makanan, utiliti (45%), kesihatan (39%), pengangkutan awam (33%), bahan api (43%), kos sewa (34%) dan kos rekreasi dan hiburan (39%).

Secara mendasar, sikap berjimat dan takut berbelanja memberikan implikasi positif secara individu. Namun begitu, dalam rantaian ekonomi secara holistik, keadaan ini mengheret permasalahan baharu, iaitu isu kelemahan kuasa beli yang akhirnya menyebabkan inflasi secara mendadak.

### Strategi: Sasar Akar, Bukan Pucuk

Tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Perpaduan pada hari ini telah melakukan banyak usaha untuk memulihkan peningkatan kos sara hidup di Malaysia. Untuk lebih adil, terdapat beberapa usaha yang mungkin sesuai untuk diberikan kredit. Antaranya termasuklah usaha memperkenalkan Menu Rahmah, komitmen untuk membasmi miskin tegar, Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), Bazar Ramadan Rahmah (BRR), Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), Program Penyeragaman Harga (PPH) dan lain-lain lagi yang masih tertangguh. Usaha ini merupakan satu usaha murni lagi terpuji. Namun begitu, biarpun terpuji, persoalan yang masih berlegar adalah sejauh manakah keberkesanannya? Apakah usaha ini kelihatan substantif dan mendasar?

Secara keseluruhannya, beberapa pendekatan yang dilaksanakan ini mungkin sekadar bersifat pelan jangka masa pendek dan mungkin sebahagiannya belum bersifat tuntas. Oleh hal yang demikian, kerajaan memerlukan satu penyelesaian yang lebih holistik dalam usaha untuk mengurangkan beban kos sara hidup

rakyat dengan menyasarkan kepada tiga buah kerangka. Pertama; peningkatan gaji rakyat, kedua; pelaksanaan pengawalan harga barang secara sistematik dan ketiga, iaitu memperkasakan dasar sekuriti makanan negara.

Dalam konteks pendapatan, peningkatan pendapatan rakyat harus dilakukan secara mendasar. Sebahagian besar data menunjukkan bahawa wujudnya kesenjangan antara kenaikan kos sara hidup dengan pendapatan di negara ini. Oleh itu, peningkatan pendapatan perlulah dilakukan secara holistik dan bersasar dan tidak hanya dilakukan secara umum tanpa objektif yang sewajarnya.

Misalnya, kerajaan perlu menetapkan pendapatan minimum mengikut taraf pekerjaan dan pendidikan. Hal ini disebabkan masih terdapat golongan yang dikatakan profesional, tetapi gaji yang diterima amat rendah dan tidak relevan. Sebagai contoh, dalam bidang profesional masih terdapat jurutera dan pensyarah yang memperoleh gaji kira-kira RM2000 hingga RM2300 sebulan. Kitaran gaji sebegini tentunya sukar untuk kelangsungan individu mahupun golongan berkeluarga yang menetap di bandar dengan kos sara hidup yang besar. Dalam kitaran ini, pendapatan merupakan isu fundamental dalam kerangka kos sara hidup.

Maka, apabila kesenjangan pendapatan dapat dirapatkan dengan kenaikan kos sara hidup, hal kedua seperti pengawalan harga barang yang sistematik perlu dipraktikkan secara efektif. Dalam mengurangkan peranan "orang tengah", kerajaan perlu memperkasakan penggunaan teknologi sebagai hab pemasaran makanan negara. Dengan penggunaan teknologi, pemantauan terhadap harga barangan juga lebih mudah dilakukan secara efektif dan sistematik.

Melengkapkan pakej ini semestinya melibatkan perkara ketiga, iaitu memperkasakan dasar sekuriti makanan negara. Setakat tahun 2020, bil import makanan negara Malaysia mencecah kira-kira RM55.4 bilion, iaitu meningkat sebanyak 22.3 peratus berbanding dengan tahun 2015. Manakala, dari sudut tanaman makanan, Malaysia hanya mempunyai 1.2 juta hektar tanah untuk penghasilan makanan. Jika dinilai daripada angka ini, ternyata sekuriti makanan kita masih mempunyai ruang untuk diperbaiki. Sebagai contoh, beberapa galakan dan langkah agresif perlu dilakukan misalnya dengan memberikan geran berskala besar kepada petani sedia ada mahupun memberikan latihan kepada para petani muda yang baru berkecimpung dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa perkara terpenting dalam menjayakan usaha ini terletak pada peringkat pelaksanaan, bukannya pada kerangka yang bersifat abstrak semata-mata. □

Penulis, Pensyarah di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) dan berkelulusan Sarjana Sains Politik.